



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR**

SEMPENA:

**PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM MINI KARNIVAL
USAHAWAN DESA @ LIMBANG,
SARAWAK**

TARIKH :

02 OKTOBER 2022 (AHAD)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Luar Bandar

Sejahtera dan Salam Keluarga

Malaysia.

Terima Kasih Saudara/Saudari

Pengacara Majlis.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

ALUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Penutup Mini Karnival Usahawan Desa atau Mini KUD@Limbang** pada petang yang berbahagia dan bersejarah ini.
2. Mini KUD@Limbang ini merupakan sesi Mini KUD ketiga yang dianjurkan Kementerian

pada tahun ini selepas Mini KUD@Pontian, Johor pada 3 – 5 Mac dan Mini KUD@Lipis, Pahang pada 30 Jun – 3 Julai 2022 yang lalu.

3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran YB Timbalan Premier Sarawak – YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan yang sudi menghadiri majlis pada petang ini yang julung-julung kalinya diadakan di Limbang, Sarawak.

4. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada bahagian-bahagian di Kementerian, jabatan dan agensi seperti MARA, RISDA, FELCRA dan KEMAS serta Pejabat Residen Daerah Limbang dan pihak Majlis Daerah Limbang (MDL) khasnya yang telah sama-sama membantu KPLB menjayakan program ini.

5. Tidak dilupakan saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pengunjung yang memberi sokongan sepanjang program ini berlangsung sejak 30

September 2022 (Jumaat)
sehingga ke hari ini.

6. Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan media yang turut hadir membuat liputan sama ada melalui media cetak atau media eletronik yang sangat penting sebagai medium hebahan kepada penduduk sekitar dan juga kepada usahawan-usahawan desa yang lain mengenai program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPLB.

PENDAHULUAN : SENARIO PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memastikan kesemua kawasan luar bandar di Malaysia mencapai aspirasi yang dirumuskan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) iaitu wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” menjelang tahun 2030.

8. Tidak dapat dinafikan bahawa kita telah mencapai kejayaan dalam konteks pembangunan infrastruktur di luar bandar. Sebahagian besar kawasan luar bandar telah mempunyai bekalan elektrik, bekalan air dan juga telah dihubungi dengan rangkaian jalan raya yang sempurna. Kita juga telah melahirkan anak-anak luar bandar yang berjaya dalam pelbagai bidang pelajaran. Bagi mencapai tahap tersebut, Kerajaan telah membelanjakan berbillion ringgit saban tahun bagi membangunkan kawasan dan

masyarakat luar bandar di seluruh negara.

9. Salah satu elemen penting yang turut menjadi fokus KPLB selain daripada pembangunan infrastruktur dan pendidikan adalah keusahawanan sebagai pemacu pembangunan ekonomi. Dalam aspek ekonomi di kalangan penduduk kampung, saya sering membayangkan penduduk kampung kita menceburi pelbagai bidang ekonomi yang bukan hanya aktiviti ekonomi tradisional seperti bertani dan menoreh getah

atau nelayan kecil bagi yang tinggal di pinggir pantai. Tetapi, keusahawanan menjadi kerjaya pilihan utama yang akan menjadi sumber pendapatan berterusan (sustainable) kepada penduduk luar bandar.

10. Bagi memastikan pembangunan keusahawanan luar bandar seiring dengan dasar yang telah ditetapkan, Kementerian pada tahun ini telahpun memperuntukkan dana berjumlah lebih RM200 juta bagi memastikan perancangan dan strategi

bersepadu seperti latihan, sokongan dana dan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi perkembangan usahawan desa dapat disediakan.

PROGRAM MINI KUD@LIMBANG, SARAWAK

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Mini KUD@Limbang adalah antara inisiatif di bawah DPLB untuk memperkasa sistem pembiayaan kewangan,

kemudahan fizikal dan sistem sokongan luar bandar kepada usahawan. Program ini menyediakan platform kepada semua pihak yang terlibat dalam rantai keusahawanan termasuk pengeluar, pembekal, pemborong, dan pengedar untuk menjalinkan kerjasama strategik termasuk meluaskan jaringan perniagaan.

12. Objektif utama KUD adalah menyediakan platform bagi mempromosi kemudahan serta insentif yang disediakan oleh sektor awam dan swasta dalam

membantu perkembangan
perniagaan usahawan luar
bandar.

13. Melalui program ini juga Kementerian dapat mengumpul maklumat dan mendapatkan maklum balas terkini daripada usahawan luar bandar khususnya di bawah bimbingan KPLB, mengenai keberkesanan program pengukuhan keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

14. Mini KUD@Limbang ini menetapkan sasaran seramai **15 ribu pengunjung** yang hadir ke tapak karnival sepanjang program berlangsung dengan nilai jualan berjumlah **RM200,000**. Alhamdulillah, berdasarkan rekod, sehingga tengahari tadi, lebih **pengunjung** dengan **nilai jualan termasuk tempahan berjumlah lebih RM.....** telah dicatatkan. Syabas saya ucapkan.
15. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan selama tiga hari dua

malam merangkumi sesi pameran dan khidmat nasihat berkaitan keusahawanan dan pendidikan dari KPLB dan agensi di bawahnya serta aktiviti jualan produk oleh lebih 100 usahawan bimbingan di bawah KPLB dan di bawah kelolaan Majlis Daerah Limbang.

16. Saya turut dimaklumkan bahawa penganjuran Mini KUD@Limbang pada kali ini telah membawa kelainan berbanding dua Mini KUD yang telah dilaksanakan sebelum ini iaitu dengan

mengetengahkan buat pertama kalinya Hub Sukan di mana pengunjung berpeluang melihat dan menyertai pertandingan Dart, Aerobaton dan e-Sport seperti PUBG dan Mobile Legend. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

CABARAN USAHAWAN DESA

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Penganjuran Mini KUD@Limbang adalah selaras dengan hasrat Kerajaan di bawah Aspirasi

Keluarga Malaysia untuk memulih dan merapatkan jurang ekonomi pasca COVID-19. Pemerkasaan aktiviti keusahawanan di luar bandar juga selaras dengan hasrat Kerajaan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk merapatkan jurang pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar.

18. Kita menyedari bahawa pembudayaan norma baharu dalam komuniti di dalam era endemik Covid-19 telah menjadi *push factor* kepada penggunaan

teknologi dalam banyak perkara termasuk dalam bidang keusahawanan. Justeru, usahawan luar bandar mesti dilengkapkan dan diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran baru mengenai penggunaan teknologi maklumat dan inovasi aplikasi siber bagi menghadapi persaingan yang kompetitif.

19. Sehingga kini, terdapat lebih 64,000 usahawan di bawah KPLB yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan daripada perusahaan

kecil-kecilan bagi menyara keluarga masing-masing sehinggalah dalam skala yang besar. Ada juga dalam kalangan usahawan KPLB yang sudah pun menembusi pasaran antarabangsa. Ini merupakan satu kebanggaan bagi pihak Kementerian dalam melahirkan lebih ramai lagi usahawan *Rural to Global*.

20. Dengan bimbingan dan kursus pemerksaan keusahawanan yang dilaksanakan KPLB terutamanya dalam teknologi

pengurusan dan pemasaran membuktikan bahawa usahawan mampu menguruskan perniagaan dengan lebih cekap, seterusnya membantu dalam meningkatkan perkembangan ekonomi negara.

21. Kementerian yang memperkenalkan Aktiviti Bimbingan melalui Program Kelab Usahawan 1 Juta atau KU1J@KPLB baru-baru ini merupakan satu inisiatif untuk melahirkan lebih ramai usahawan jutawan desa yang celik IT yang bukan sahaja berkembang maju

dalam perniagaan masing-masing malahan dapat menyumbang semula kepada komuniti luar bandar sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Saya ingin menyeru tuan-tuan dan puan-puan, untuk terus bersama menunjukkan sokongan dengan membeli dan menggunakan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan luar bandar

yang mempunyai kualiti setanding barangan berjenama di pasaran sedia ada.

23. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan suka citanya merasmikan **Majlis Penutup Mini Karnival Usahawan Desa atau Mini KUD@Limbang, Sarawak 2022.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh